



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

JBNS No.100-4/10()

Tarikh :

30 November 2015

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 10/2015 PELAKSANAAN APLIKASI PENGURUSAN PERUNTUKAN PEMBAYARAN (S3P) KERAJAAN NEGERI SABAH

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan penggunaan Aplikasi Pengurusan Peruntukan dan Pembayaran (S3P) dalam sistem pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri Sabah menggantikan SISVOT.

2. GAMBARAN KESELURUHAN SISTEM


2.1. Aplikasi Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Secara Web-based

Sistem S3P adalah sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang dibangunkan sebagai langkah pihak Kerajaan Negeri Sabah ke arah aplikasi perakaunan berasaskan web. Aplikasi di bawah Sistem S3P ini boleh dicapai melalui *web browser* di dalam rangkaian SabahNet (Intranet).

2.2. Modul S3P

S3P terdiri daripada 3 aktiviti utama yang dilaksanakan menggunakan 3 aplikasi yang baru:

...2/-



PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 10/2015 30 NOVEMBER 2015

i. Pengurusan Peruntukan

Merangkumi proses penyediaan dan penghantaran permohonan anggaran tahunan kepada Kementerian Kewangan, serta penerimaan peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Modul ini juga meliputi aktiviti;

- a. Penyediaan dan Penghantaran Anggaran Tahunan
- b. Penerimaan Peruntukan Pertama
- c. Pindahan Peruntukan;
- d. Peruntukan Tambahan;

ii. Pengurusan Pembayaran

- a. Pengurusan Liabiliti;
- b. Penyediaan Baucar Bayaran
- c. Pengurusan Buku Vot.

iii. Pengurusan Penghantaran Maklumat Bayaran

Proses penghantaran maklumat baucar bayaran kepada pejabat pembayar mengikut kod pejabat pembayar. Baucar fizikal hendaklah dikemukakan kepada pejabat pembayar bersama-sama dengan slip hantaran.

2.3. Pengagihan Peruntukan

Pengagihan peruntukan yang diluluskan oleh DUN akan disalurkan terus melalui aplikasi S3P berkuatkuasa pada **01 Januari 2016**.

2.4. Bayaran

Baucar bayaran yang digunakan mestilah borang baucar JBN 38 (Pin 1/2014) yang baru dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Borang baucar ini boleh diperolehi daripada Jabatan Cetak Kerajaan Negeri Sabah;

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 10/2015 30 NOVEMBER 2015

2.5. Kelengkapan dan Kemudahan Pejabat

- i. Komputer
Untuk menggunakan aplikasi ini, komputer di kementerian, jabatan, pejabat pengguna perlu mempunyai rangkaian Sabahnet.

- ii. Pencetak Baucar

Pencetak yang digunakan adalah jenis *inkjet* atau *laserjet* .
Penggunaan pencetak dot-matrix dihentikan.

2.6. Penghantaran Maklumat Bayaran Kepada Pejabat Pembayar

Penggunaan disket atau pendrive sebagai medium penghantaran diberhentikan, maklumat bayaran dihantar kepada pejabat pembayar mengikut kod pejabat yang dipilih secara *online* berkuatkuasa pada 01 Januari 2016.

Maklumat bayaran akan dimuatturun oleh pejabat pembayar berdasarkan slip hantaran.

3. MANUAL PENGGUNA SISTEM S3P

- 3.1. Panduan pengguna untuk operasi aplikasi disediakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah boleh dicapai melalui URL: <http://s3p.sabah.gov.my>.

4. PENGGUNAAN SISTEM

- 4.1. Aplikasi S3P hanya boleh diakses oleh pegawai yang diberi kuasa/kebenaran mengikut kod jabatan dan PTJ masing-masing;
- 4.2. Jabatan-jabatan perlu memohon kata laluan dan nama pengguna kepada Seksyen Pembangunan Sistem, Bahagian Perancang dan Pembangunan Korporat Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk membolehkan pegawai yang diberi autoriti mengakses aplikasi S3P;

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 10/2015 30 NOVEMBER 2015

- 4.3. Hanya Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah yang dibenarkan membuat pengemaskinian dan pindaan keatas aplikasi S3P dengan arahan daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah;

5. RUJUKAN

- 5.1. Sebarang pertanyaan mengenai data atau maklumat dalam sistem ini hendaklah dirujuk kepada **Seksyen Pembangunan Sistem, Bahagian Perancang Pembangunan Korporat**, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, di talian telefon **088-272202**.
- 5.2. Sebarang pertanyaan mengenai bantuan teknikal sistem aplikasi tersebut hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah melalui talian telefon **088-272254**.

6. TARIKH BERKUATKUASA

- 6.1. Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Kecil dan Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai PTJ dalam Sistem perakaunan Kerajaan Negeri Sabah. Penggunaan SISVOT (FoxPro) dihentikan dan beralih kepada Aplikasi S3P berkuatkuasa pada **01 Januari 2016**.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH"


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah
Jabatan Audit Negara,
Kota Kinabalu.

 HH/hhs